

on 17 February 2014

UNIMAS Perbaiki Kedudukan Dalam Webometrics Asia Tenggara

Malaysia

ranking	World Rank	University	Det.	Presence Rank*	Impact Rank*	Openness Rank*	Excellence Rank*
1	582	Universiti Sains Malaysia	👉	814	971	572	
2	611	Universiti Putra Malaysia	👉	74	1423	411	674
3	630	Universiti Teknologi Malaysia	👉	397	1016	386	874
4	639	University of Malaya	👉	139	1032	443	548
5	845	Universiti Teknologi MARA	👉	33	1677	455	1402
6	859	Universiti Kebangsaan Malaysia / National University of Malaysia	👉	1260	1547	920	661
7	1450	Al-Madinah International University	👉	349	835	340	5155
8	1566	International Islamic University of Malaysia	👉	979	3622	793	1642
9	1655	Universiti Utara Malaysia	👉	16	3094	864	3412
10	1923	Universiti Malaysia Sabah	👉	410	4872	1884	1895
11	2000	Universiti Malaysia Perlis	👉	1111	4776	1311	1947
12	2055	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	👉	89	4697	1339	2938
13	2138	University of Nottingham Malaysia	👉	1793	3792	5855	1601
14	2192	Multimedia University	👉	7538	3035	4023	1374
15	2365	Universiti Tunjau Abdul Rahman	👉	455	6846	2018	1905
16	2425	Universiti Malaysia Sarawak	👉	3444	4333	3566	1841

Kuching, Januari 2014 : Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah berjaya memperbaiki kedudukan sebagai universiti terbaik bagi kategori Asia Tenggara dalam Webometrics Ranking Web of World Universities, yang dikeluarkan pada 13 Januari 2014.

Dalam senarai terbaru yang diumumkan, UNIMAS telah berjaya melonjak ke tangga ke-16, yakni meningkat empat anak tangga berbanding kedudukan ke-20, pada tempoh yang sama tahun lepas.

Bagaimanapun, hasil kajian yang sama bagi kategori universiti dunia, UNIMAS menampakkan penurunan anak tangga iaitu 2425 berbanding di tangga 2329, pada tahun lepas.

Webometric merupakan sistem yang mengukur dan memberi penilaian kepada kemajuan dan interaktif laman web (website) universiti yang tersenarai.

Ia merupakan pengukuran interaktif laman web universiti yang menjurus kepada ruang lingkup teknologi maklumat dan jaringan internet universiti yang tersenarai. Sehingga kini, terdapat 20,000 universiti di seluruh dunia telah tersenarai di dalam kajian berkenaan dengan penarafan dilakukan berdasarkan dua penanda aras iaitu visibility (50%) yang melibatkan impact dan activity (50%) melibatkan presence, openness dan excellence.

Hasil kajian Webometrics Ranking Web of World Universities akan dikeluarkan dua kali iaitu pada bulan Januari dan Julai setiap tahun.

Sumber: Bahagian Perancangan Dan Komunikasi Korporat, Universiti Malaysia Sarawak
Ditulis Oleh: Sarena Haidir